- i) Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga adalah seperti di Lampiran A. Surat Akuan Pembida dan Surat Perwakilan Kuasa adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.
- ii) Penyebut harga yang berjaya menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di Lampiran B. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Inden Kerja/Pesanan Tempatan.

.....
Tandatangan dan Cop Kontraktor/Wakil

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Jabatan Timbalan Naib Canselor
Canselor (Pembangunan)

SURAT AKUAN PEMBIDA

TAJUK SEBUT HARGA : KERJA BAIKPULIH DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT DAN KAUNTER, DI ARAS 1 & 2, PEJABAT BENDAHARI, BANGUNAN CANSELERI SULTAN IBRAHIM, UNIVERISITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR

NO. SEBUT HARGA : SH/2026-12/A-1/SP/BPA

Saya, No. Kad Pengenalan.....
yang mewakili nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Universiti Teknologi Malaysia atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : _____
Nama : _____
No.KP : _____
Tarikh : _____
Cap Syarikat : _____

Catatan:

- (i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Jabatan Timbalan Naib Canselor
Canselor (Pembangunan)

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA/SYARIKAT

TAJUK SEBUT HARGA : KERJA BAIKPULIH DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT DAN KAUNTER, DI ARAS 1 & 2, PEJABAT BENDAHARI, BANGUNAN CANSELERI SULTAN IBRAHIM, UNIVERISITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR

NO. SEBUT HARGA : SH/2026-12/A-1/SP/BPA

Saya, No. Kad Pengenalan.....

Yang mewakili nombor Pendaftaran
.....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan

bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana- mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Universiti Teknologi Malaysia** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan boleh berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing• masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : _____
Nama : _____
No.KP : _____
Tarikh : _____
Cap Syarikat : _____

Catatan:

- (i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

BAHAGIAN KESELAMATAN, UTM, JOHOR BAHRU, JOHOR

Panduan Kontraktor

1. Kontraktor/Pekerja dikehendaki mengambil Pas Harian di Kaunter Kawalan Pintu Utama setiap hari ketika masuk ke dalam kampus UTM.
2. Pekerja yang diambil bekerja dengan Syarikat, Kontraktor hendaklah menentukan pekerja-pekerja terbabit MEMILIKI DOKUMEN/PERMIT KERJA/VISA YANG SAH (TIDAK TAMAT TEMPOH)
3. Pemakaian Pas Keselamatan oleh Kontrak/Pekerja di MESTIKAN sepanjang masa berada di dalam kawasan kampus. Kegagalan Kontraktor/Pekerja mematuhi Peraturan Keselamatan membolehkan kerja-kerja yang akan dijalankan terganggu ketika pemeriksaan diadakan oleh pihak Keselamatan dari semasa ke semasa.
4. Pas Keselamatan

Senarai nama-nama pekerja beserta gambar terkini dan nombor pendaftaran kenderaan tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua minggu sebelum kerja-kerja di dalam kampus dimulakan.

- i) Pemohon dikehendaki mengemukakan salinan surat tawaran kerja/kontrak/permit kerja /dokumen-dokumen lain yang bersangkutan.
- ii) Pemohon dikehendaki mengepulkan dua keping gambar berukuran passport bersama boring yang telah lengkap ke Pejabat Keselamatan.
- iii) Pemohon dikehendaki mendapatkan tandatangan dan cop pengesahan dari Ketua Bahagian/Pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab.
- iv) Borang Permohonan Pas diisi dalam satu salinan sahaja dan boleh didapati di Pejabat Bahagian Keselamatan.
- v) Untuk memperbaharui pas, pemohon dikehendaki mengikut para (i), (ii) dan (iii). Permohonan mestilah dibuat sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tamat tempoh pas berkenaan dan dikepulkan bersama permohonan baru.

Tempoh 1 hingga 6 bulan	Tempoh 3 hingga 12 bulan
RM 5.00	RM 10.00

5. Mengisytiharkan peralatan/barang yang dibawa masuk di dalam Kampus dengan mengemukakan salinan nama barang-barang yang dibawa masuk dikeluarkan oleh Kontraktor dan disahkan oleh pihak yang berkenaan yang mengawal selia projek yang dijalankan.
6. Sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak Keselamatan Universiti di dalam menjalankan tugasnya.
7. Mematuhi peraturan lalulintas di dalam kampus dan jika berlaku apa kejadian seperti kemalangan atau lain-lain yang memerlukan bantuan Keselamatan hendaklah segera menghubungi KETUA PENGAWAL KESELAMATAN BERTUGAS BALAI KESELAMATAN UTM di talian 07-5530014.
8. Kerja-kerja yang dijalankan melebihi waktu pejabat, hendaklah mendapat kebenaran bersurat daripada pihak berkenaan (Penyelaras Projek Bahagian Pengurusan Aset UTM) perlu diserahkan kepada Bahagian Keselamatan UTM sebelum kerja dilaksanakan.
9. Mematuhi peraturan dan melaksanakan Langkah-Langkah Keselamatan di tapak bina / kerja.
10. Menyerahkan salinan nama / Carta Organisasi yang lengkap dan mempunyai no.telefon kepada pihak Keselamatan untuk rujukan.
11. Menjaga Etika kesopanan dan cara berpakaian di dalam kampus.
12. Tidak menggunakan bilik air wanita / Siswi (Jika Pekerja Lelaki).
13. Tidak merokok di kawasan kampus.
14. Tidak menyalahguna dadah atau meminum minuman keras.

**SENARAI PERUNDANGAN & PERATURAN KEPERLUAN KESELAMATAN &
KESIHATAN PEKERJAAN DI TAPAK BINA**

Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) & Akta Kilang & Jentera 1967 (Akta 139)

1. Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO) & Safety Site Supervisor
Keperluan
 1. Pematuhan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
Perintah Pegawai Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
 - Melantik Pegawai Keselamatan & Kesihatan bagi kerja-kerja pengendalian bangunan dan binaan kejuruteraan yang melebihi RM20 juta.
 2. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967 (Akta 139), Building Operations and Works of Engineering Construction Safety – (BOWEC) Peraturan 25
 - Keperluan kontraktor utama melantik penyelia keselamatan di tapak bina.

2. Peralatan & Mesin Yang Memerlukan Perakuan Kelayakan
Keperluan
 1. Pematuhan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
 2. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967, Seksyen 19, Perakuan Kelayakan
 - Kren (PMA)
 - Skylift (PMA)
 - Piling Machine (PMA)
 - Gondola (PMA)
 - Passenger hoist, skip hoist, material hoist (PMA)
 - Air compressor (PMT)
 3. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967, Peraturan-Peraturan (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan & Pemeriksaan)

3. Latihan & Kompetensi Pengendali Jentera
Keperluan
 1. Pematuhan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
Seksyen 15 (c) – Kewajipan Am Majikan & Orang Yang Bekerja Sendiri
 2. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967, Peraturan-Peraturan (Orang Yang Menjaga) Kilang & Jentera 1970

4. Peralatan Perlindungan Diri (PPE)
Keperluan
 1. Pematuhan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
Seksyen 24 (1) (c) – pekerja perlu memakai peralatan perlindungan diri (PPE) sepanjang masa untuk mencegah sebarang risiko kepada keselamatan & kesihatan

5. Pemberitahuan Berkenaan Pembinaan Bangunan & Kerja Binaan Kejuruteraan (Borang JKJ 103)
Keperluan
 1. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967 (Akta 139) Seksyen 35 (1) dan Peraturan-Peraturan (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan & Pemeriksaan)
 - Kerja-kerja berkenaan pembinaan bangunan & kerja binaan kejuruteraan yang tempohnya melebihi 6 minggu

6. Keselamatan Perancah

Keperluan

1. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967 (Akta 139), Building Operations and Works of Engineering Construction Safety – (BOWEC) Peraturan 72 -98 – Perancah perlu dibina dan dirombak oleh orang yang kompeten. Perlu diperiksa 7 hari sekali oleh orang yang kompeten. Perancah jenis tiub perlu mengikut spesifikasi BS1139

7. Keperluan Latihan CIDB/NIOSH Green Card Kepada Semua Pekerja Di Tapak Bina

Keperluan

1. Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) (Seksyen 15 (2) (c) Kewajipan Am Majikan & Orang Yang Bekerja Sendiri – Memberi maklumat, arahan & latihan kepada pekerja yang sedang bekerja)
 2. Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Pekeliling Program Kad Hijau CIDB Bil. 1/2000 dan Bil. 1/2001 – Keperluan induksi keselamatan kepada pekerja yang bekerja di tapak bina, sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan sistem CIDB green card, pihak kontraktor boleh dikenakan tindakan tatatertib diambil di bawah peraturan-peraturan pendaftaran kontraktor (1995) – Peraturan 15 (1), Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, yang manakala mengakibatkan pendaftaran kontraktor dibatalkan, digantung atau ditarik balik.
8. Penyediaan Prosedur Kerja Selamat (SOP) Oleh Pihak Kontraktor Terutama Bagi Kerja Berhazad Tinggi (Kerja Panas, Pengorekan, Bekerja Di Tempat Tinggi, Ruang Terkurung)

Keperluan

1. Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) (Seksyen 15 (2) (b) Kewajipan Am Majikan & Orang Yang Bekerja Sendiri – Membuat perkiraan bagi menjamin, setakat yang praktik keselamatan dan ketiadaan risiko kepada kesihatan berkaitan dengan penggunaan atau pengendalian, penanganan, penyimpanan dan pengangkutan loji dan bahan.

Akta-Akta Lain Yang Berkaitan

1. Pengurusan Buangan Air Sisa Limbah Terus Ke Sistem Pembentungan (Sewer System)

Keperluan

1. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
2. Akta Jalan, Saliran Dan Bangunan 1974 (Akta 133)

2. Pengurusan Sisa Terjadual

Keperluan

1. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), Peraturan Sisa Terjadual 2005 – Sisa-sisa yang tersenarai dalam peraturan ini perlu dilupuskan mengikut peraturan yang ditetapkan di premis yang telah diberi lesen untuk melupuskan sisa terjadual.

1.0 KEPERLUAN PERKHIDMATAN

- 1.1 Semua kerja yang akan dilaksanakan ditapak perlu mematuhi piawaian, pekeliing dan peraturan kerjaan seperti berikut :-
- i. Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Edisi Tahun 2015
 - ii. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam.
 - iii. Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan.
 - iv. Lain-lain akta dan peraturan kerajaan yang berkaitan.
- 1.2 Semua kuantiti yang dinyatakan merupakan anggaran kuantiti untuk rujukan sahaja. Kontraktor perlu menyemak kuantiti sebenar yang diperlukan berdasarkan lukisan tender yang disertakan untuk memastikan harga yang ditawarkan meliputi semua skop bagi penyiapan kerja ini.
- 1.3 Sekiranya terdapat keperluan lukisan kerja ataupun butiran binaan yang berkaitan pihak kontraktor hendaklah mengemukakan kepada UTM untuk semakan dan pengesahan. Walaubagaimanapun sebarang penambahbaikan dan cadangan yang bersesuaian perlu dimaju dan dibincangkan bersama UTM.
- 1.4 Semua kerja, bahan binaan dan aksesori perlu mendapatkan kelulusan dari UTM sebelum dibekal dan dipasang ditapak. Kontraktor perlu mengemukakan cadangan (*proposal*), *'shop drawing'*, *'method statement'*, *'sample board'*, katalog dan *'mock-up'* termasuk skema warna bagi bangunan. Sekiranya perlu, pihak kontraktor perlu mengatur lawatan ke kilang atau *'places of reference'* bagi pemilihan dan pengesahan bahan yang digunakan.
- 1.5 Pihak kontraktor dikehendaki membuat lawatan ke tapak bina bagi memastikan kefahaman keadaan tapak, ukuran-ukuran sebenar serta mengenalpasti keperluan sebenar di tapak. Harga yang dimasukkan oleh kontraktor mestilah mengandungi segala aspek yang perlu bagi penyiapan setiap kerja tersebut.
- 1.6 Hari bekerja yang wajib bagi semua pekerja kontraktor adalah pada setiap hari Isnin hingga Jumaat melainkan sekiranya hari tersebut jatuh sebagai hari cuti umum. Walau bagaimanapun, kontraktor juga dikehendaki menyediakan pekerja selepas waktu pejabat atau semasa cuti umum apabila diperlukan atau diarahkan tanpa ada tambahan tuntutan selain tuntutan item kerja. Masa bekerja bagi pekerja adalah seperti berikut :-
- i. **Isnin hingga Jumaat - 8.00 pagi hingga 5.00 petang**
 - ii. **Sekiranya kontraktor perlu melaksanakan kerja di luar waktu pejabat maka segala tuntutan kerja lebih masa bagi staf Seksyen Pembangunan terlibat yang layak adalah dibawah tanggungjawab kontraktor.**
 - iii. **Sekiranya pelaksanaan kerja di tapak mendapat kekangan dari segi kebisingan, kesegeraan dan program-program rasmi, kontraktor adalah disarankan merancang dan melaksanakan kerja pada luar waktu pejabat (malam) atau hujung minggu dengan mengambilkira kos kontijensi bagi tujuan kelancaran projek dalam penyiapan mengikut tempoh.**
 - iv. **Penggunaan rekod kehadiran staf kontraktor hendaklah dicatatkan di tapak.**

- 1.7 Penggunaan lif penumpang adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pihak kontraktor diminta untuk mengambil kira penggunaan jentera, mesin dan peralatan berkaitan bagi pengangkutan material dan lain-lain.
- 1.8 Kontraktor dikehendaki melakukan pengujian dan pentauliahan bagi skop kerja yang berkaitan sahaja seperti berikut :-
- i. Kerja Senibina/Awam
 - a. Menguji aliran air kumbahan
 - b. Ujian keperluan bahan struktur
 - c. Ujian Ketelapan Air / Kebocoran
 - ii. Kerja Mekanikal
 - a. Pendingin hawa dan *exhaust fan*.
 - b. Menyediakan rekod ujiterima peralatan dan OMM.
 - iii. Kerja Elektrik
 - a. Pengujian penebatan dan pbumian.
 - b. Penandaan pada litar lampu dan soket.
 - c. Menyediakan rekod ujiterima peralatan.

Nota:

Semua kerja-kerja pengujian dan pentauliahan perlu melibatkan UTM dan menyerahkan keputusan pengujian termasuk laporan dan dokumen-dokumen yang berkaitan serta memastikan semua sistem bangunan berfungsi dengan baik.

- 1.9 Penghantaran :-
- i. Pembekal perlu memaklumkan kepada pihak UTM tarikh dan masa penghantaran dan perlu disertakan dengan D.O (*Delivery Order*).
 - ii. Pihak UTM akan membuat semakan ke atas 1 set perabot dan dibekalkan terlebih dahulu sebelum pembekal menurunkan baki lain-lain item ke tapak bina.
 - iii. Semasa penghantaran perlu ada wakil UTM yang dinamakan dan pihak pembekal juga perlu menamakan wakil pembekal yang akan berada di lokasi semasa penghantaran dan semakan perabot.
 - iv. Pihak pembekal atau kontraktor adalah diwajibkan melaksanakan *mockup* atau menyediakan *sample* bagi tujuan kelulusan bahan dengan pengesahan wajib daripada Pegawai Penguasa / Pegawai Inden/ Wakilnya.
 - v. Pihak UTM tidak akan bertanggungjawab terhadap penghantaran yang tidak mengikut spesifikasi dan kelulusan di tapak.


2.0 SKOP KERJA AWALAN TEKNIKAL

2.1 Skop kerja awalan hendaklah mengikut perkara-perkara berikut :-

- i. Kontraktor hendaklah memastikan kawasan tapak binaan dalam keadaan bersih dan tersusun. Sisa buangan hendaklah dibawa ke kawasan luar kampus yang dibenarkan oleh UTM.
- ii. Menyediakan dan menyerahkan tiga (3) set jadual Perancangan Kerja dalam bentuk bar chart atau CPM (tertakluk kepada kelulusan UTM) sebelum memulakan kerja di tapak.
- iii. Menyediakan set Laporan Kemajuan Kerja (bilangan set laporan tertakluk kepada arahan UTM) termasuk laporan bergambar (sebelum, semasa dan selepas) dan menyerahkan laporan tersebut kepada UTM 3 hari sebelum tarikh Mesyuarat Tapak / Teknikal diadakan.
- iv. Pihak kontraktor hendaklah menghantar laporan pengujian dan pertauliah, laporan bergambar (sebelum dan selepas siap kerja dilaksanakan), manual operasi dan '*as-built drawing*' (4 perunggu berjilid *hard cover*) seperti yang dinyatakan dalam kontrak selepas satu (1) bulan dari tarikh siap kerja. '*As-built drawing*' hendaklah menggunakan perisian AutoCad (*latest version*) dan '*soft copy*' lukisan lengkap dalam '*pen drive*'.
- v. Semua sambungan '*temporary supply*' untuk bekalan air serta elektrik perlu disertakan dengan meter dan merujuk kepada UTM.
- vi. Pihak kontraktor adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan langkah pencegahan dan perlindungan kepada sebarang peralatan sedia ada di ruang pejabat atau makmal serta memastikan kawasan kerja yang terlibat tidak rosak akibat faktor cuaca dengan sebarang kaedah yang relevan dan terkawal dengan mendapat persetujuan Pegawai Penguasa/ Pegawai Inden.
- vii. Pihak kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membaiki dan menggantikan sebarang kerja, bahan, kemudahan bangunan, struktur atau kemas bangunan sedia ada yang rosak akibat kecuaiannya kontraktor semasa menjalankan dan menyiapkan kerja-kerja di tapak. Bahan gantian hendaklah dari jenis yang sama atau setanding dengan mendapat persetujuan Pegawai Penguasa/ Pegawai Inden.
- viii. Pihak kontraktor hendaklah memastikan semua pekerja projek ini yang berada di tapak untuk sentiasa bebas dari salah laku yang boleh menjejaskan keselamatan, tatatertib dan integriti di tapak projek seperti kegiatan gangsterisme, vandalisme, pergaduhan, kecurian atau apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- ix. Pihak kontraktor juga hendaklah memastikan semua pekerja yang diambil bekerja di tapak projek UTM tidak mempunyai rekod jenayah lepas dan tidak terlibat dengan mana-mana aktiviti penyalahgunaan dadah.

x. Papan tanda kerja

- Kontraktor dikehendaki membina papan tanda kerja mengikut spesifikasi (piawaian UTM) dari jenis *printed canvas*, saiz berukuran 1200mm x 1500mm dengan 50mm x 50mm tebal 'M.S structure', lengkap dengan teks dan maklumat berikut :
 - a) Tajuk Projek
 - b) Nama & jawatan Pegawai Penguasa/ Pegawai Inden
 - c) Nama, jawatan & nombor telefon Pengarah Seksyen Pembangunan
 - d) Nama & nombor telefon Kontraktor
 - e) Tempoh kontrak termasuk tarikh mula & tarikh siap
 - f) No. PTW



KERJA BAIKPULIH DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT DAN KAUNTER, DI ARAS 1 & 2 , PEJABAT BENDAHARI, BANGUNAN CANSELERI SULTAN IBRAHIM, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR.

1.0 Cadangan kerja baikpulih dan naiktaraf ruang pejabat dan kaunter di aras 1, Pejabat Bendahari, Bangunan Canselери Sultan Ibrahim, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor.

2.0 Perincian skop kerja senibina adalah seperti berikut :-

2.1 KERJA MEROBOH, MEMBUKA DAN MENANGGALKAN SERTA MELINDUNGI

- a) Kerja meroboh, memecah, membuka dan menanggalkan binaan dan kemasan sedia ada (bertanda biru di dalam lukisan) termasuk membaikpulih kawasan dan menggantikan kerosakan yang terlibat serta kerja pembersihan tapak bina dengan membawa keluar bahan buangan dari kawasan UTM sepertimana yang dinyatakan di dalam lukisan.
- b) Kerja membuka, mengalih, melindungi, memasang, menyusun semula dan membaikpulih perabot sedia ada
 - i. Kerja membuka, mengalihkan dan melindungi serta memasang dan menyusun semula termasuk membaikpulih dan menggantikan kerosakan perabot sedia ada seperti dinyatakan didalam lukisan. Kontraktor hendaklah memastikan perabot tersebut didalam keadaan baik semasa proses pengalihan bagi penyiapan keseluruhan kerja di tapak.
 - ii. Kerja membaikpulih dan menggantikan kerosakan yang terlibat dengan kerja roboh diatas.

2.2 ARAS 1 (RUANG KAUNTER DAN RUANG KERJA STAF)
Rujuk Lukisan UTM.J/SP/S/07/2026/01-03 (SH)

- a) Kerja lantai
 - i. i. Lantai F1
 - ii. ii. Lantai F2
- b) Kerja dinding
 - i. Dinding P1 (2,700mm tinggi)
 - ii. Dinding P2
 - iii. Dinding P3
 - iv. Dinding P4

- c) Kerja pintu
 - i. Pintu D1
 - ii. Pintu D2
 - iii. Pintu D3
 - iv. Pintu D4

- d) Kerja siling
 - i. Siling C1

- e) Lain-lain
 - i. Kaunter
Anggaran Saiz : 3800mm (L) x 800mm (W) x 850 (H)

**Nota : Pihak kontraktor perlu mencadangkan kaedah yang sesuai dan terbaik untuk kerja-kerja membuka kaunter dan aksesori sedia ada serta kaedah pemasangan semula kaunter di lokasi baru di tapak*

- 3.0 Skop kerja ini adalah seperti yang dinyatakan/ditunjukkan dalam **lukisan dan skop kerja** yang disediakan oleh UTM.
- 4.0 Kontraktor hendaklah memastikan semua kerja yang dilaksanakan ditapak bina sepertimana yang dinyatakan dalam skop kerja, spesifikasi standard JKR, spesifikasi teknikal, jadual spesifikasi dan lukisan yang dibekalkan oleh UTM.
- 5.0 Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membaiki dan menggantikan sebarang kerja, bahan, kemudahan bangunan, struktur atau kemasin bangunan sediaada yang rosak akibat kecuaiannya semasa menjalankan dan menyiapkan kerja-kerja di tapak. Bahan gantian hendaklah dari jenis yang sama atau yang setanding dengan mendapat persetujuan Pegawai Inden.

KERJA BAIKPULIH DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT DAN KAUNTER, DI ARAS 1 & 2, PEJABAT BENDAHARI, BANGUNAN CANSELERI SULTAN IBRAHIM, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR.

1.0 Cadangan kerja baikpulih dan naiktaraf ruang pejabat dan kaunter di aras 1 & 2, Pejabat Bendahari, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor.

2.0 Perincian skop kerja perabot adalah seperti berikut :-

2.1 RUANG KERJA STAF (ARAS 1)
Rujuk Lukisan UTM.J/SP/P/07/2026/01-06 (SH)

- a) Perabot berasaskan kayu
 - i. FE 1 CUBICLE TYPE A (4 SEATER)
Anggaran Bil : 4 Set
 - ii. FE 1a CUBICLE TYPE A (2 SEATER)
Anggaran Bil : 1 Set

2.2 BILIK W12 (ARAS 1)
Rujuk Lukisan UTM.J/SP/P/07/2026/01-06 (SH)

- a) Perabot berasaskan kayu
 - i. FA 2 MEJA STAF
Anggaran Bil : 1 Nos
 - ii. FA 26 MEJA SISI
Anggaran Bil : 1 Nos
- b) Perabot berasaskan fabric
 - i. FB 6 KERUSI HIGH BACK
Anggaran Bil : 1 Nos
 - ii. FB 7 KERUSI LOW BACK
Anggaran Bil : 2 Nos

2.3 BILIK BENDAHARI UTM
Rujuk Lukisan UTM.J/SP/P/07/2026/01-06 (SH)

- a) Perabot berasaskan Upholstery
 - i. FB 8 SOFA
Anggaran Bil : 1 Nos
 - ii. FB 9 SOFA
Anggaran Bil : 2 Nos

- b) Perabot berasaskan kayu
 - i. FA 6 MEJA COFFEE
Anggaran Bil : 1 Nos

2.4 BILIK P.A BENDAHARI UTM
Rujuk Lukisan UTM.J/SP/P/07/2026/01-06 (SH)

- a.) Perabot berasaskan Kayu
 - i. FC 1 ALMARI BUKU SEDANG
Anggaran Bil : 1 Nos

 - ii. FC 4 ALMARI BUKU RENDAH
Anggaran Bil : 1 Nos

- 3.0 Skop kerja ini adalah seperti yang dinyatakan/ditunjukkan dalam **lukisan dan skop kerja** yang disediakan oleh UTM.
- 4.0 Kontraktor hendaklah memastikan semua kerja yang dilaksanakan ditapak bina sepertimana yang dinyatakan dalam **skop kerja, spesifikasi standard JKR, spesifikasi teknikal, jadual spesifikasi dan lukisan yang dibekalkan oleh UTM.**
- 5.0 Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membaiki dan menggantikan sebarang kerja, bahan, kemudahan bangunan, struktur atau kemas bangunan sediaada yang rosak akibat kecuaiannya semasa menjalankan dan menyiapkan kerja-kerja di tapak. Bahan gantian hendaklah dari jenis yang sama atau yang setanding dengan mendapat persetujuan Pegawai Inden.

SKOP KERJA MEKANIKAL

KERJA BAIKPULIH DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT DAN KAUNTER, DI ARAS 1 & 2, PEJABAT BENDAHARI, BANGUNAN CANSELERI SULTAN IBRAHIM, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR.

SKOP KERJA AM

- a. Kontraktor hendaklah merujuk lukisan bernombor: - UTM.J/SP/M/07/2026/01(SH) skop kerja, spesifikasi '*Specification for Building Works 2020 (JKR 208000-0226-20)*', spesifikasi '*Specification for Low Voltage Internal Electrical Installation (LS-1)*', spesifikasi teknikal, spesifikasi data teknikal dan tapak bina untuk mendapatkan ukuran dan bilangan sebenar. (Ukuran dan kuantiti yang dinyatakan adalah anggaran sahaja).
- b. Kuantiti sementara adalah bagi item yang dinyatakan sahaja. Bayaran kepada kontraktor berdasarkan kuantiti sebenar di tapak. Pengukuran semula akan dibuat setelah kerja-kerja dilaksanakan. (kuantiti yang dinyatakan adalah anggaran sahaja).
- c. Bagi kerja-kerja membuka dan menanggal kelengkapan sistem mekanikal sedia ada, peralatan dan kuantiti yang dinyatakan adalah sebagai rujukan sahaja. Mana-mana peralatan sedia ada yang difikirkan perlu hendaklah dibuka dan ditanggal bagi melengkapkan keseluruhan kerja termasuk peralatan, perpaipan, *ducting*, pendawaian dan aksesori sedia ada yang tidak dinyatakan tetapi tidak lagi digunakan serta membaikpulih kemasan sedia ada mengikut kemasan asal pada permukaan dinding, *slab* dan lantai yang terlibat dengan kerja membuka dan menanggal.
- d. Harga ditawarkan hendaklah termasuk kos *coring*, memotong, memecah dan membaikpulih permukaan dinding dan lantai serta lain-lain kerja berkaitan untuk melengkapkan pemasangan.
- e. Harga ditawarkan hendaklah termasuk kos penyediaan, pemasangan dan membuka perancah atau kadar sewa jentera pengangkat (sekiranya perlu).
- f. Kontraktor hendaklah mengujiterima (*testing and commissioning*) peralatan mekanikal baru dan sedia ada yang telah lengkap dipasang termasuk menyediakan *manual operation* (jika perlu) dan rekod ujiterima peralatan.
- g. Kontraktor dikehendaki melakukan kerja-kerja *servicing* dan penyenggaraan dalam tempoh tanggungan kecacatan (*defect liability period*) untuk peralatan mekanikal baru dan sedia ada yang dipasang termasuk menyediakan laporan lengkap bertulis berkaitan kerja-kerja *services* dan pembaikan. Kos yang berkaitan perlu ditanggung sendiri oleh pihak kontraktor.

SKOP KERJA MEKANIKAL

- h. Kontraktor hendaklah membaikpulih kemasn sedia ada yang rosak sama ada disebabkan oleh kerja pemasangan sistem mekanikal yang dilaksanakan atau kerosakan akibat kecuaiian dari pihak kontraktor mengikut kemasn asal pada permukaan dinding, *slab* dan lantai yang terlibat termasuk kerja-kerja mengecat semula dinding dengan warna asal. Kos pembaikan perlu ditanggung oleh Kontraktor.

KERJA-KERJA MEKANIKAL

1.0 KERJA-KERJA MEMBUKA DAN MENANGGAL KELENGKAPAN SISTEM MEKANIKAL SEDIA ADA

- 1.1 Kerja-kerja membuka, menanggal dan mengalihkan hawa dingin, pencegah kebakaran, *exhaust fan* dan perpaipan bekalan air dan sanitari dalaman sedia ada termasuk *refrigerant pipe*, *ducting* (jika berkaitan), *supply & return diffuser*, panel kawalan, pendawaian elektrik dan lain-lain aksesori berkaitan serta dipindahkan ke lokasi yang akan ditentukan oleh pihak UTM serta lain-lain kerja berkaitan. (Tidak melebihi 100m dari kawasan kerja)

2.0 KERJA-KERJA SISTEM HAWA DINGIN DAN PENGUDARAAN BAHARU

- 2.1 Kerja-kerja membuka, menyenggara dan memasang semula hawa dingin sedia ada *air-cooled split non-inverter* (R32) termasuk membekal dan memasang baharu *starter*, *refrigerant pipe*, *drain pump* (jika perlu), *drainpipe*, *trunking*, *steel perforated tray*, *rubber compound pipe insulation*, pendawaian unit, struktur tambahan (jika perlu) serta lain-lain kerja dan aksesori berkaitan yang diperlukan untuk melengkapkan pemasangan.

Skop kerja-kerja menyenggara hawa dingin sedia ada adalah seperti berikut: -

Indoor unit

- *Inspect unit for any abnormalities;*
- *Pump down the system;*
- *Dismantle indoor unit from the instalation;*
- *Dismantle all components;*
- *Clean (with chemical) and as necessary;*
- *Re-assemble the unit and fix to the instalation; and*
- *Flush drain pipe as necessary.*

Outdoor unit

- *Dismantle casing as necessary;*
- *Cover all electrical parts;*
- *Clean (with chemical) and as necessary;*
- *Assemble back the installation;*
- *Assemble the refrigerant piping and check for any leaking and make good as necessary; and*
- *Top up refrigerant as necessary*

Spesifikasi hawa dingin adalah seperti berikut: -

- a) *Ceiling cassette type* kapasiti minima 42,000 btu/hr

SKOP KERJA MEKANIKAL

- 2.2 Kerja-kerja membekal dan memasang *supply air diffuser & return air grille* jenis *galvanized iron/aluminium* baharu lengkap dengan *adapter, damper, plenum box* (jika perlu), *flexible ducting c/w insulation* serta lain-lain kerja dan aksesori berkaitan yang diperlukan untuk melengkapkan pemasangan.

Spesifikasi *supply air diffuser & return air grille* adalah seperti berikut: -

- a) *Supply air diffuser* (anggaran saiz - 600mm x 600mm)
- b) *Return air grille* (anggaran saiz - 600mm x 600mm)

***Nota**

- **Kontraktor hendaklah mengemukakan cadangan rekabentuk (*pattern*) *supply air diffuser & return air grille* kepada pihak UTM dan tertakluk kepada kelulusan Arkitek.**

3.0 KERJA-KERJA SISTEM PENCEGAH KEBAKARAN

- 3.1 Kerja-kerja membekal dan memasang lengkapan baharu *heat detector / smoke detector (conventional / addressable)* termasuk pendawaian signal ke lengkapan / panel sedia ada (mengikut zon asal) lengkap dengan *G.S conduit, bracket* serta lain-lain kerja dan aksesori yang diperlukan untuk melengkapkan pemasangan.
- 3.2 Kerja-kerja membekal dan memasang lengkapan baharu Lampu Kecemasan (*Emergency Light*) dan Lampu Tanda 'KELUAR' (*Exit Sign*) jenis LED (*surfaced / recessed mounting*) termasuk mata lampu (tanpa suis) secara pendawaian konduit permukaan atau terbenam menggunakan kabel PVC 2 x 1.5mm² dari DB litar lampu ruang (sedia ada / baharu) lengkap dengan MCB, kabel perlindungan, *G.S conduit, bracket* serta lain-lain kerja dan aksesori yang diperlukan untuk melengkapkan pemasangan.

***Nota**

- **Pemasangan Lampu Kecemasan (*Emergency Light*) dan Lampu Tanda 'KELUAR' (*Exit Sign*) adalah dari jenis *recessed* pada permukaan siling dan dari jenis *surfaced* pada permukaan dinding.**

KERJA BAIKPULIH DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT DAN KAUNTER, DI ARAS 1 & 2, PEJABAT BENDAHARI, BANGUNAN CANSELERI SULTAN IBRAHIM, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR.

A. UMUM

1. Skop kerja ini hendaklah **dibaca dan difahami** oleh kontraktor. Selain skop yang dinyatakan di bawah, kontraktor perlu juga perlu merujuk dan mematuhi skop yang telah dinyatakan di dalam **bill of quantity (BQ), jadual spesifikasi teknikal dan lukisan kontak yang telah dibekalkan oleh pihak UTM.**
2. Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membaiki dan menggantikan sebarang kerja, bahan, kemudahan bangunan, struktur atau kemasangan bangunan yang rosak akibat kecuaiannya kontraktor sebaik sahaja tapak projek diserahkan.
3. Kerja-kerja mematikan dan menghidupkan bekalan elektrik adalah dibawah tanggungjawab kontraktor. Sekiranya berlaku **tripping** atau litar pintas di kawasan bangunan atau ruang bersebalahan dengan tapak projek, kerja baikpulih semula bekalan perlu dilaksanakan oleh pihak kontraktor dalam tempoh masa **24 JAM.**
4. Semua peralatan yang dibekal dan dipasang perlulah mendapatkan kelulusan daripada UTM dengan menghantar borang RFA (request for approval). UTM berhak menolak tawaran kontraktor yang **tidak mendapat kelulusan RFA.**
5. Semua peralatan mestilah tulen daripada pengilang. Pembekal perlu mengemukakan dokumen sebagai bukti.
6. Peralatan baru mestilah lengkap dengan jaminan (*warranty*) dan inventori pemasangan mengikut lokasi untuk simpanan UTM.
7. Semakan kefungsiannya peralatan hendaklah dilaksanakan sebelum kerja pengantian lengkap bagi memastikan tiada kerosakan pada pendawaian sediaada. Jika terdapat kerosakan pada pendawaian semasa kerja pengantian, kontraktor perlu bertanggungjawab bagi membaiki kerosakan mengikut spesifikasi UTM.
8. Bagi kerja yang melibatkan gangguan kepada sistem pendawaian elektrik seperti kerja menukar siling, kontraktor perlu membuat semakan bersama staf UTM berkenaan kefungsiannya alat tersebut. Sebarang kerosakan kepada sistem pendawaian adalah tanggungjawab kontraktor untuk membaiki semula mengikut spesifikasi UTM.
9. Kontraktor hendaklah memastikan harga yang ditawarkan lengkap dengan semua peralatan/aksesori/pendawaian yang diperlukan untuk menyiapkan kerja ini. Sebarang penambahan kos selepas kontrak, adalah perlu ditanggung oleh kontraktor.

10. Kontraktor hendaklah melantik orang kompetan minima **PW4** bagi kerja-kerja elektrik. Borang elektrik dan sijil orang kompeten perlu dihantar sebagai bukti sokongan. Sebarang pemasangan dan pengujian elektrik adalah menjadi tanggungjawab orang kompeten tersebut.
11. Kontraktor hendaklah memastikan harga yang ditawarkan lengkap dengan semua peralatan/aksesori yang diperlukan untuk menyiapkan kerja ini. Sebarang penambahan kos selepas kontrak, adalah perlu ditanggung oleh kontraktor.

B. PERINCIAN SKOP KERJA YANG TERLIBAT

1. Membuka, menanggal, dan mematikan lengkapan dan pendawaian lama yang tidak digunakan dan perlu dilupuskan oleh pihak kontraktor di luar kawasan UTM termasuk membuat senarai semak barangan yang hendak dilupuskan:-
 - 1.1 Pendawaian lama perlu dimatikan/dibuka sehingga ke punca bekalan kuasa atau DB. Kontraktor dikehendaki memeriksa laluan kabel terlebih dahulu sebelum menanggalkannya. Bagi pendawaian yang perlu dimatikan berkaitan dan menjejaskan fungsi litar yang masih digunapakai, kontraktor dikehendaki membuat penyambungan/mematri dan kekemasan pada litar tersebut selaras dengan pengesahan Jurutera.
 - 1.2 Lubang lama mata Suis/soket/Utp/Telefon/Volume pembesar suara atau seumpamanya yang telah ditanggalkan hendaklah ditutup dan dikemaskan sesuai dengan permukaan sekitar termasuk menyimen dan mengecat.
 - 1.3 Peralatan yang dibuka/dimatikan perlu mendapatkan arahan dan persetujuan dari penyelia tapak. Adalah menjadi tanggung jawab kontraktor untuk melepaskannya di luar kawasan UTM.
 - 1.4 Skop ini melibatkan **kesemua ruang kerja** dan akan dimaklumkan oleh Penyelia Tapak dari masa ke semasa sepanjang tempoh kontrak. Jika kontraktor tidak pasti samaada lengkapan/pendawaian di kawasan kerja tersebut perlu dimatikan atau tidak, perlulah merujuk kepada penyelia tapak. Sebarang kecuaiian/kerosakan/kesilapan membuka adalah menjadi **tanggungjawab kontraktor**.
 - 1.5 Skop kerja membuka dan mematikan pendawaian/lengkapan **lama dan tidak digunakan** merangkumi peralatan seperti berikut:-
 - i) Pendawaian dan lengkapan soket termasuk konduit/trunking.
 - ii) Pendawaian dan kelengkapan lampu dan suis.

2. Kerja membuka, mengalih dan memasang semula kelengkapan elektrik sedia ada (Rujuk BQ B, 1) termasuk penyambungan pendawaian, pemasangan aksesori, pengubahsuaian dan lain-lain kerja berkaitan.
3. Pendawaian mata lampu termasuk membekal dan memasang kelengkapan lampu dan suis baharu.
4. Pendawaian mata soket termasuk kelengkapan.
5. Pendawaian mata rangkaian data Wi-Fi 7 Access Point (ICT) dari patch panel menggunakan kabel UTP CAT 6A 23AWG 1/d CAT 6A RJ45 modular jack di dalam conduit Heavy Duty High Impact uPVC dengan anggaran jarak tidak melebihi 90meter
6. Membekal dan memasang MCB baru 6A hingga 32A mengikut lokasi di dalam butiran kerja dan kerja-kerja penamatan di kedua-dua hala peti agihan sedia ada.
7. Membuat pengujian dan pelabelan litar kepada pendawaian dan pemasangan.
8. Membuat ujian yang dikehendaki berserta mengeluarkan laporan bagi ujian pemasangan kabel elektrik.

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU, JOHOR**

BORANG SEBUTHARGA

Pembekal/Penyebut Harga :

Alamat :

No. Rujukan Pendaftaran:

Tarikh:

Pengarah Seksyen Kontrak Dan Perolehan
Bahagian Pengurusan Aset
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru, Johor

Tuan,

No. Sebutharga : **SH/2026-12/A-1/SP/BPA**

Tajuk : **KERJA BAIKPULIH DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT DAN KAUNTER, DI ARAS 1 & 2, PEJABAT BENDAHARI, BANGUNAN CANSELERI SULTAN IBRAHIM, UNIVERISITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR**

Saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk menjalankan kerja-kerja/perkhidmatan tersebut/membekal alat-alat/bahan-bahan tersebut dengan menepati segala peruntukan dalam naskah sebut harga bagi jumlah wang pukul sebanyak Ringgit Malaysia :

(RM.....). Saya selanjutnya bersetuju untuk menyiapkan kerja-kerja/perkhidmatan ini/membekal dan menghantar alat-alat/bahan-bahan tersebut dalam masa () **Minggu** dari tarikh mula kerja sepertimana yang akan ditetapkan di dalam Inden Kerja/Pesanan Tempatan.

2. Saya seterusnya setuju untuk menjelaskan Bon Perlaksanaan (bagi sebut harga yang melebihi RM200,000.00) dengan cara * :-

i. * Jaminan Bank/ Insurans

ii. * Wang Jaminan Perlaksanaan

* Sila tandakan / pada petak pilihan yang berkenaan

3. **Tempoh Sahlaku Sebut Harga** adalah **90 hari** dari tarikh tutup Sebut Harga.

.....
(Tandatangan & Cop Syarikat)

Nama :

Atas sifat :

No. Telefon :

No. Tel. Bimbit :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :

Pekerjaan :

Alamat :

.....

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU JOHOR**

RINGKASAN SEBUT HARGA

TAJUK KERJA : KERJA BAIKPULIH DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT DAN KAUNTER, DI ARAS 1 & 2, PEJABAT BENDAHARI, BANGUNAN CANSELERI SULTAN IBRAHIM, UNIVERISITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR

NO. SEBUT HARGA : SH/2026-12/A-1/SP/BPA

NO	PERKARA	DARI M/S	JUMLAH (RM)
1.	<u>BAHAGIAN A</u> Kerja-Kerja Awalan	PH/3	
2.	<u>BAHAGIAN B</u> Kerja-kerja Senibina	PH/6	
3.	<u>BAHAGIAN C</u> Kerja-kerja Perabot	PH/7	
4.	<u>BAHAGIAN D</u> Kerja-kerja Mekanikal	PH(M)/7	
5.	<u>BAHAGIAN E</u> Kerja-kerja Elektrik	PH(E)/6	
6.	Lain-lain kerja yang tidak dinyatakan tetapi perlu untuk menyiapkan kerja tersebut :		
	a.	Harga Pukal	
	b.	Harga Pukal	
	c.	Harga Pukal	
JUMLAH HARGA DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA			

.....
(Tandatangan & Cop Kontraktor)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :

Nama :

Atas Sifat :

Pekerjaan :

No. Telefon :

Alamat :

No. Fax :

.....

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU JOHOR**

PECAHAN HARGA

NO. SEBUT HARGA : SH/2026-12/A-1/SP/BPA

TAJUK KERJA : **KERJA BAIKPULIH DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT DAN KAUNTER, DI ARAS 1 & 2, PEJABAT BENDAHARI, BANGUNAN CANSELERI SULTAN IBRAHIM, UNIVERISITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR**

NOTA :

- 1) Kerja-kkerja yang dinyatakan di dalam sebut harga ini hendaklah mengikut Spesifikasi Piawai (JKR) sila rujuk di kaunter Bahagian Kontrak untuk kerja-kkerja binaan Bangunan dan Elektrik, arahan kepada penyebut harga, syarat-syarat sebut harga, skop kerja, spesifikasi tambahan, arahan-arahan pembuat/ pembekal (jika ada) dan butiran-butiran di dalam lukisan sebut harga.
- 2) Kontraktor perlu melawat tapak bina bagi memahami skop kerja dan halangan-halangan yang ada.
- 3) Harga yang ditawarkan hendaklah meliputi semua perkara untuk menjalankan kerja-kkerja ini dan jika didapati ada perkara yang tidak dihargaikan ianya akan dianggap dikira dan telah termasuk dalam butiran-butiran lain.
- 4) Bagi kerja-kkerja yang merupakan kuantiti sementara, harga muktamad adalah berdasarkan kuantiti sebenar di tapak di mana pengukuran semula akan dibuat setelah kerja-kkerja tersebut siap dilaksanakan. (Jika berkaitan)
- 5) Penyebut harga hendaklah bersetuju harga yang ditawarkan di dalam Pecahan Harga akan diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Inden tentang kemunasabahannya tetapi jumlah wang pukal yang terdapat pada Borang Sebut Harga adalah tidak berubah.
- 6) Semua bahan yang dibekal dan akan dipasang hendaklah mendapat kelulusan SIRIM QAS atau IKRAM sekiranya tidak dinyatakan secara terperinci di dalam butiran kerja dan spesifikasi tambahan.
- 7) Semua kerja-kkerja yang dilaksanakan di tapak mestilah mematuhi Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) & Akta Kilang & Jentera 1967 (Akta 139) serta peraturan-peraturan semasa UTM.
- 8) Kerja-kkerja yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Lukisan No :

Lukisan Senibina

- i. UTM.J/SP/S/07/2025/01(SH)
- ii. UTM.J/SP/S/07/2025/02(SH)
- iii. UTM.J/SP/S/07/2025/03(SH)

Lukisan Perabot

- i. UTM.J/SP/P/07/2025/01(SH)
- ii. UTM.J/SP/P/07/2025/02(SH)
- iii. UTM.J/SP/P/07/2025/03(SH)
- iv. UTM.J/SP/P/07/2025/04(SH)
- v. UTM.J/SP/P/07/2025/05(SH)
- vi. UTM.J/SP/P/07/2025/06(SH)

Lukisan Mekanikal

- i. UTM.J/SP/M/07/2025/1(SH)

Lukisan Elektrik

- i. UTM.J/SP/E/07/2025/01(SH)
- ii. UTM.J/SP/E/07/2025/02(SH)

NO. SEBUT HARGA : SH/2026-12/A-1/SP/BPA

TAJUK KERJA : **KERJA BAIKPULIH DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT DAN KAUNTER, DI ARAS 1 & 2, PEJABAT BENDAHARI, BANGUNAN CANSELERI SULTAN IBRAHIM, UNIVERISITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR**

BIL	BUTIRAN KERJA	HARGA PUKAL (RM)
	<p>BAHAGIAN A Kerja-Kerja Awalan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bon Perlaksanaan (bagi sebut harga melebihi RM200,000.00) 2. Kos Insurans Pampasan Pekerja 3. Kos Insurans Tanggungan Awam 4. Kos Insurans Kerja 5. Kerja-kerja pembersihan kawasan kerja daripada sampah-sarap / sisa binaan / sisa kebakaran / sisa kerja di tapak pada setiap hari bekerja ke dalam roro tank/tong sampah sementara yang disediakan sendiri oleh kontraktor (jika berkenaan). Sisa buangan roro tank hendaklah dikosongkan apabila diperlukan dan setelah siap kerja ke kawasan luar kampus yang dibenarkan oleh UTM/PBT. Roro tank/tong sampah sementara hendaklah dikeluarkan dari tapak binaan apabila kerja siap. 6. Menyedia dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan/ kesihatan (health & safety) di tapak yang perlu dan mencukupi, sepertimana keperluan OSHA serta akta berkaitan dan langkah-langkah lain yang perlu sebagaimana Arahan Pegawai Inden seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> i) Peralatan perlindungan diri yang lengkap dan sesuai dengan kerja yang hendak dilaksanakan seperti pakaian, topi dan but keselamatan. ii) Pita keselamatan dan papan tanda keselamatan untuk mengasingkan kawasan kerja dan kawasan laluan. iii) Kontraktor dikehendaki mengemukakan lesen dan sijil-sijil berkaitan seperti lesen memandu, lesen kompeten dan sijil perakuan mesin untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut :- <ol style="list-style-type: none"> a) Kerja-kerja memasang perancah b) Pemeriksaan pra-kemasukan ke ruang terkurung oleh orang yang kompeten untuk memastikan keadaan ruang terkurung selamat untuk dimasuki. Ruang Udara dalam ruang terkurung hendaklah diuji oleh Penguji Gas Bertauliah (AGT). Keputusan ujian dan penilaian hendaklah direkodkan di dalam permit kebenaran bekerja (permit to work). Kontraktor dikehendaki mematuhi Kod Amalan Bekerja Selamat di ruang terkurung oleh JKKPM. c) Pengendali jentera/mesin iv) Lain-lain peralatan atau keperluan keselamatan lain yang bersesuaian untuk melaksanakan kerja. Kontraktor dikehendaki mengeluarkan air serta keselamatan tempat terkurung yang diarahkan oleh pihak OSHE supaya kerja-kerja yang akan dijalankan selamat. 	
	JUMLAH DIBAWA KE MUKASURAT BELAKANG	

BIL	BUTIRAN KERJA	HARGA PUKAL (RM)
JUMLAH DIBAWA DARI MUKASURAT HADAPAN		
7.	<p>Melantik Penyelia Keselamatan (Safety Supervisor) untuk kategori kerja seperti berikut :</p> <p>a) Nilai sebut harga melebihi RM100,000 atau</p> <p>b) Tempoh siap kerja melebihi enam (6) minggu atau</p> <p>c) Dalam hal-hal lain, pengecualian keperluan Penyelia Keselamatan (Safety Supervisor) adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Inden.</p>	
